

KHUTBAH JUMAAT

“PENGUKUHAN PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN” (30 Ogos 2024M/ 25 Safar 1446H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Oleh itu, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : “**Pengukuhan Perpaduan Dalam Kepelbagaian**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, kita panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah *subhanahu wata'ala* bersempena dengan Hari Kebangsaan yang disambut pada 31 Ogos pada setiap tahun. Hari Kebangsaan yang

kita raikan adalah nikmat daripada Allah *subhanahu wata'ala* yang perlu disyukuri dan menjadi detik yang perlu diingati bersama kerana mendorong kepada pembentukan Malaysia. Nikmat ini akan dapat dipertahankan apabila perpaduan dalam kalangan rakyat kukuh.

Perpaduan khususnya dalam kalangan umat Islam adalah kesatuan yang bersifat rabbani kerana sumbernya ialah panduan Ilahi. Asas, konsep dan panduan kepada perpaduan umat Islam dinyatakan di dalam banyak ayat al-Quran dan hadis. Antaranya, firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah al-Anbia', ayat 92:

إِنَّ هَذِهِ أُمَّةٌ مُّتَكَبِّرَةٌ وَّحْدَةٌ وَّأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِ (٩٢)

Maksudnya: Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu atas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu, maka sembahlah akan Daku.

Ayat tadi menggambarkan bahawa masyarakat Islam adalah umat yang satu, yang berdasarkan agama yang satu. Asas pokoknya iaitu keyakinan, ketundukan dan penyerahan kepada Allah *subhanahu wata'ala* Yang Satu, ketaatan kepada Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasalam* Rasul yang satu dan kepatuhan kepada ajaran bersumberkan syariat yang satu. Inilah agama Islam iaitu agama yang sangat menitik beratkan kesatuan berdasarkan al-Quran, al-Sunnah dan Qudwah Hasanah (contoh teladan yang baik).

Perpaduan dalam kalangan umat Islam bukan sekadar suatu keperluan yang bersifat luaran, tetapi ikatan persaudaraan atau

ukhuwah Islamiyah yang dijalin dengan iman dan Islam. Ikatan ukhuwah ini dijalin merentas batasan dan sempadan negara ibarat peribahasa “cubit peha kanan, peha kiri akan terasa”. Daripada al-Nu'man bin Bashir *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحِمِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضُّوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَّى))

Maksudnya: Perumpamaan orang yang beriman itu pada saling mengasihi, belas kasihan dan tolong menolong antara satu sama lain adalah bagaikan satu jasad. Apabila ada satu anggota tubuh sakit maka seluruh anggota yang lain akan turut tidak dapat tidur (terjaga) dan merasa demam.

(*Hadis riwayat Imam Muslim*)

Keutuhan hubungan anggota masyarakat yang saling mengasihi dan tolong-menolong dapat dilihat contohnya dalam kalangan para sahabat *radiallahu anhum*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Fath, ayat 29:

مُّحَمَّدٌ رَّسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحْمَاءُ
... بَيْنَهُمْ

Maksudnya: Nabi Muhammad (*sallallahu alaihi wasallam*) ialah utusan Allah dan orang yang beriman dengannya bersikap tegas terhadap orang kafir (yang memusuhi Islam), tetapi berkasih sayang terhadap sesama mereka (umat Islam) ...

Imam al-Baghawi *rahimahullah* telah menjelaskan dalam kitab tafsirnya 'Ma'alim at-Tanzil' bahawa orang yang bersama Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* itu bersikap kasih sayang dan belas kasihan sesama mereka dengan mengatakan: "Mereka bersimpati dan saling menyayangi antara satu sama lain bagaikan seorang anak terhadap bapanya.". Manakala perkataan ^{بَيْنَهُمْ} atau 'sesama mereka' dalam ayat tersebut menjelaskan bahawa sifat belas kasihan dalam kalangan umat Islam bagaikan identiti terhadap masyarakat ini.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Malaysia adalah sebuah negara yang sangat unik kerana dihuni penduduk pelbagai agama, bangsa dan etnik. Islam adalah agama bagi Persekutuan. Namun, penduduk Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan dan kepercayaan bebas mengamalkan kepercayaan masing-masing. Kebebasan ini membentuk perpaduan nasional yang kukuh antara kaum dan pembentukan identiti rakyat Malaysia.

Pada masa yang sama, Rukun Negara yang digubal juga bertujuan untuk membentuk perpaduan yang kukuh dalam kalangan rakyat. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara jelas menjadi kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi kejayaan dan kestabilan Malaysia. Ini bertepatan dengan konsep 'rahmatan lil alamin' iaitu rahmat bagi seluruh alam.

Islam sebagai cara hidup yang syumul menyediakan pedoman lengkap berkaitan hukum-hakam, undang-undang, peradaban dan tatasusila kehidupan umat Islam bersama masyarakat bukan Islam. Dasar-dasar tetap digariskan merangkumi prinsip toleransi, keadilan, kebijakan dan belas ihsan sesama warga negara Islam dan bukan Islam. Prinsip utama melayani semuanya secara adil.

Islam secara umumnya memandu manusia dalam kehidupan. Manusia dapat mengetahui yang mana benar dan mana yang salah. Dengan agama, manusia dapat hidup dalam keadaan harmoni, tenteram dan berdisiplin. Islam mengandungi prinsip-prinsip yang tetap lagi tegas seperti yang terdapat dalam surah al-Kafirun, ayat 6:

لَكُمْ دِيْنُكُمْ وَلِيَ دِيْنِ (٦)

Maksudnya: *Bagi kamu agama kamu dan bagiku agamaku*

Disamping itu, terdapat prinsip-prinsip Islam yang bersifat sejagat seperti tolong-menolong dalam perkara kebijakan dan kebaktian, mengutamakan adab mulia, mengutamakan kemanusiaan, berlaku adil dan berbuat kebaikan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Nahl, ayat 90:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۖ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ (٩٠)

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebijakan, memberi bantuan kepada kaum kerabat dan*

Allah melarang daripada perbuatan kemungkaran dan permusuhan. Dia memberi pengajaran (dengan suruhan dan larangan-Nya ini) kepadamu agar kamu mengambil peringatan untuk mematuhi-Nya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati beberapa pengajaran penting daripada khutbah yang disampaikan, antaranya:

Pertama: Kemerdekaan yang kita nikmati hari ini merupakan salah satu nikmat kurniaan Allah *subhanahu wata'ala* yang perlu kita syukuri dan pelihara dengan sebaiknya.

Kedua: Umat Islam hendaklah mengetahui bahawa manusia itu dilahirkan dari pelbagai latar belakang untuk saling kenal mengenali serta saling lengkap melengkapi.

Ketiga: Umat Islam hendaklah bertanggungjawab memastikan perpaduan, keharmonian dan kestabilan negara terus kukuh berdasarkan prinsip-prinsip Islam yang sebenar.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam al-An'am, ayat 153:

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ .
وَأَنَّ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا آلَّسْبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ
عَنْ سَبِيلِهِ حَذَلَكُمْ وَصَنَعْتُمْ بِهِ لَعْنَكُمْ تَتَّقُونَ (١٥٣)

Maksudnya : *Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam) kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ رَبِّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada kesempatan ini, khatib menyeru agar kita semua sentiasa mengambil langkah yang sewajarnya terhadap situasi cuaca tidak menentu yang melanda negeri kita pada waktu ini. Adakalanya keadaan seperti cuaca kering, berjerebu, kebakaran hutan dan adakalanya hujan lebat yang boleh mendatangkan musibah kepada kita. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Khatib juga menyeru agar kita terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قال الله تعالى:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسِلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angatkanlah daripada mereka bala bencana, perang dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ، أَمِينٌ
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحُسَانُ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.